

KENDALA-KENDALA PENGUASAAN BAHASA MELAYU STANDARD DALAM KALANGAN PELAJAR MELAYU DI SEKOLAH PONDOK DI PATANI, THAILAND

Oleh:

Phaosan Jehwae

*Alumni Universiti Brunei Darussalam dan
sekarang bertugas di Jabatan Bahasa Melayu, Universiti Fatoni, Thailand*

Abstracts:

Language represents the nation. From language expressed, the one can know from the community where they came from. Therefore, language is one of the nation's character -forming which should be maintained. If the mother tongue is missing, the nation will lose its identity. In the case of Patani Malay community in Thailand, the mastery of Malay increasingly eroded. As an ethnic minority, politically they were driven by Thailand's national language. Moreover, the Malay language is not used as the language of instruction and official language of science in Thailand. In fact, the Malay vocabulary began to lose its original meaning because of the interaction between this language and other foreign languages. This article shows the negative impact of all of these conditions on the mastery of the standard Malay for the educated Malays in Thailand. In general, the Malay students in Thailand is not much else to master Malay Standard.

Keywords: -standard Malay, -Patani Malay students, -Thai language

Pendahuluan

Penguasaan perbendaharaan kata sangat penting, sama ada dalam konteks pemerolehan bahasa pertama mahupun dalam konteks mempelajari sesuatu bahasa kedua. Tanpa menguasai perbendaharaan kata, kanak-kanak tidak dapat berbahasa. Pendapat Yahya Othman diperkukuhkan lagi dengan pendapat S. Nathesan (1999: 26) yang mengatakan bahawa penguasaan perbendaharaan kata yang memadai akan menjadi satu daripada beberapa aspek yang penting dalam pemerolehan bahasa kerana semakin banyak perbendaharaan kata diperolehi dan dikuasai itu, semakin berkemampuan dan berkeupayaanlah seseorang mengungkapkan perkara yang hendak dinyatakannya dengan berkesan dan meyakinkan.

Penguasaan perbendaharaan kata Bahasa Melayu Standard sangat penting. Bahasa Melayu ialah bahasa ibunda dan alat komunikasi yang penting bagi penduduk di Patani.¹

¹“Patani” dengan “t” satu Patani sebuah bekas kerajaan kesultanan Patani Darussalam sebelum Patani berada di bawah pemerintahan Thai (Siam) sedangkan “Pattani” dengan “tt” adalah Pattani salah satu wilayah yang terdapat dalam negara Thai sekarang ini. Patani terdiri daripada wilayah Pattani, wilayah Yala, wilayah Narathiwat, wilayah Songkla dan wilayah Setul/Setun.

Bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi pada zaman pemerintahan kesultanan Patani selama beratus-ratus tahun sehingga jatuhnya Patani ke tangan Siam² pada tahun 1902 Masihi (Mohd. Zamberi, 1994:194). Setelah Patani berada di bawah pemerintahan Siam, peranan dan kedudukan bahasa Melayu mengalami kemerosotan. Dahulunya, bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi dan sekarang hanya menjadi bahasa komunikasi dalam masyarakat Melayu sahaja.

Bahasa Melayu juga berfungsi sebagai bahasa vernakular penduduk minoriti di negara Thai. Majoriti penduduk di negara Thai terdiri daripada orang-orang Thai. Sebagai orang Thai, bahasa ibunda mereka juga bahasa Thai. Walaupun bahasa Melayu bukan merupakan bahasa majoriti di Thailand namun jumlah penutur bahasa Melayu melebihi dua juta orang. Bahasa Melayu berdistribusi luas di wilayah Selatan Thai dan digunakan sebagai bahasa formal, iaitu untuk pengajaran formal berbagai-bagai pengetahuan agama Islam. Bahasa Melayu juga dijadikan bahasa pengantar pendidikan agama Islam di sekolah rendah Melayu, sekolah swasta agama Islam (sekolah pondok) dan beberapa buah universiti³(Worawit, 1990: 169).

Menurut Muhammad Lazim (2005:168), sekolah pondok merupakan institusi penting dalam perkembangan pendidikan, penggunaan bahasa Melayu, penyampaian dakwah dan penyebaran budaya Melayu di Patani. Sekolah pondok wujud sejajar dengan Patani sebagai salah sebuah pusat pendidikan Islam di Asia Tenggara sehingga ramai pelajar pelbagai bangsa beragama Islam belajar di Patani. Walaupun Patani berada di bawah jajahan Siam (Thailand) dan pihak kerajaan menekankan penggunaan bahasa Thai, sekolah pondok menyalurkan pengajaran bahasa Arab dan agama Islam dalam bahasa Melayu. Sekolah pondok merupakan salah satu institusi yang penting dalam mempertahankan kelestarian dan kedaulatan bahasa Melayu di Patani.

Sekolah swasta agama Islam atau sekolah pondok di Patani didirikan oleh masyarakat Melayu setempat tanpa bantuan daripada kerajaan Thai. Setelah kerajaan Thai mewajibkan seluruh sekolah pondok menggunakan bahasa Thai dalam pembelajaran bidang akademik, kerajaan Thai mulai memberi gaji kepada guru yang mengajar mata pelajaran sekular yang bersifat akademik. Kerajaan Thai juga memberi bantuan kewangan kepada pihak sekolah tetapi dalam jumlah yang sangat sedikit. Sekolah pondok mengalami

² Pada 24 Jun 1939 secara rasmi Negara Siam ditukar namanya kepada Negara Thai atau Thailand.

³Di lima wilayah Selatan Thai (Patani), terdapat lima buah universiti yang menawarkan program bahasa Melayu dalam peringkat sarjana muda, iaitu Universiti Islam Yala, Universiti Songkhla Nakarin, Universiti Rajabhat Yala, Universiti Taksin dan Universiti Narathiwat. Masih terdapat beberapa perguruan tinggi swasta yang menawarkan program bahasa Melayu tetapi perguruan tinggi tersebut tidak secara rasmi didaftarkan di bawah kerajaan Thai.

suatu perubahan yang besar, apabila kerajaan Thai mewajibkan seluruh sekolah pondok di Patani menggunakan bahasa Thai dalam pengajaran-pembelajaran pengetahuan berbentuk sekular. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu telah terjejas kecuali dalam bidang agama.

Beban tugas pelajar-pelajar Melayu di Patani adalah sangat berat kerana harus mengikuti pembelajaran dalam empat bahasa, iaitu bahasa Thai, bahasa Melayu, bahasa Arab dan bahasa Inggeris (walaupun sedikit). Masa persekolahan, pelajar Melayu di Patani terlalu banyak menggunakan bahasa Thai dibandingkan dengan bahasa Melayu. Pemahaman berkait dengan latar belakang pendidikan pelajar-pelajar Melayu di Patani adalah amat penting, iaitu antara lain bagi memahami kendala-kendala penguasaan Bahasa Melayu Standard (BMS) dalam kalangan pelajar Melayu sekolah pondok di Patani.

Pemaparan Kendala-kendala Penguasaan Perbendaharaan Kata BMS

Dilihat sebagai suatu keseluruhan, pelajar-pelajar dari sekolah pondok menunjukkan kelemahan menguasai perbendaharaan kata dalam BMS. Keperihalan ini adalah amat jelas kerana ada kalanya mereka menggunakan perkataan-perkataan dalam bahasa Thai, ada kalanya mereka menggunakan perkataan dalam DMP, bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Penggunaan perkataan asing, termasuk penggunaan perkataan dalam DMP dengan jelas menunjukkan bahawa pelajar berkenaan masih lemah menguasai perbendaharaan kata dalam BMS.

Berikut ini dikemukakan contoh frasa atau ayat yang turut memperlihatkan perkataan dalam sesuatu bahasa asing seperti yang telah disebutkan itu, dan kadangkala tersisip juga perkataan dalam DMP. Perkataan yang akan digariskan dalam sesuatu frasa atau ayat yang berkenaan adalah tidak sesuai digunakan dalam konteks formal.

Contoh-contoh 1-20 dengan jelas menunjukkan kelemahan para pelajar Melayu di Patani menggunakan perkataan dalam BMS lantaran itu mereka menggunakan perkataan-perkataan dalam DMP.

1. makan nasik di sekolah
(pengaruh DMP) (pengaruh DMP)

Perhatian:

Dalam BMS, kita sebut nasi. Bagaimanapun dalam DMP (dan beberapa dialek lain) misalnya dialek perak menyebut nasik. Begitu juga dengan sekolah. Dalam DMP (bahasa lisan di Patani) menyebutnya dengan sekolah.

2. sekolah tidak mintak yuran sekolah
(pengaruh DMP)

Perhatian:

Perkataan mintak adalah ditulis mengikut sebutan DMP tetapi mempunyai makna yang sama dengan perkataan minta dalam BMS. Perkataan mintak tidak sesuai sebagai sebutan yang tepat mengikut lafaz dalam BMS.

3. seluruh negeri di asia tenggara
(pengaruh DMP)

Perhatian:

Perkataan negeri adalah pengaruh DMP. Dalam DMP perkataan negeri adalah bermaksud negara. Dalam BMS, makna perkataan negeri berbeza dengan makna perkataan negara.

4. pengaruh sain
(pengaruh DMP)

Perhatian:

Perkataan sain adalah pengaruh DMP yang bermaksud kawan, teman atau sahabat.

5. tubit sekolah Siam
(pengaruh DMP)

Perhatian:

Perkataan tubit adalah sebutan DMP yang mirip dengan perkataan terbit dalam BMS tetapi mempunyai makna yang berbeza. Perkataan tubit dalam DMP bermakna keluar.

6. makan tepung
(pengaruh DMP)

Perhatian:

Perkataan tepung ditulis sama dengan bahasa BMS tetapi dengan makna yang berbeza. Dalam DMP, perkataan tepung bermaksud kuih sedang makna dalam BMS ialah sejenis bahan untuk membuat kuih misalnya tepung jagung, tepung sagu.

7. kelek dari Malaysia

(pengaruh DMP)

Perhatian:

Dalam BMS, kita sebut balik. Bagaimanapun, dalam DMP dan bahasa lisan orang-orang Melayu di Patani menyebut kelek.

8. mengaji di sejid
(pengaruh DMP)

Perhatian:

Dalam BMS, kita sebut masjid. Bagaimanapun, dalam DMP dan bahasa lisan orang-orang Melayu di Patani menyebut sejid.

9. pergi sekolah naik kereta kosung
(pengaruh DMP)

Perhatian:

Kereta kosung adalah pengaruh DMP yang bermaksud bus dan frasa ini lain maknanya dalam BMS.

10. suka tahok sampah
(pengaruh DMP)

Perhatian:

Perkataan tahok adalah pengaruh DMP yang bermakna membuang dan perkataan ini tidak terdapat dalam DMS.

11. mengisap sapa mati
(pengaruh DMP)

Perhatian:

Dalam BMS, kita sebut sampai. Bagaimanapun dalam DMP dan bahasa lisan orang-orang Melayu di Patani menyebut sapa.

12. telefon yang molek
(pengaruh DMP)

Perhatian:

Perkataan molek adalah pengaruh DMP yang bermakna bagus. Walaupun perkataan tersebut terdapat dalam BMS, namun konteks penggunaannya adalah berlainan.

13. Patani sangat sesok
(pengaruh DMP)

Perhatian:

Perkataan sesok adalah pengaruh DMP yang bermakna miskin. Perkataan sesok tidak ada dalam BMS.

14. pemuda paka barang-barang mahal
(pengaruh DMP)

Perhatian:

Perkataan paka adalah ditulis mengikut sebutan DMP tetapi mempunyai makna yang sama dengan perkataan pakai dalam BMS. Perkataan paka tidak diterima sebagai sebutan yang betul dalam konteks sebutan BMS.

15. untuk menjadi juruh
(pengaruh DMP)

Perhatian:

Perkataan juruh adalah pengaruh DMP yang bermakna baik atau sopan. Penggunaan perkataan juruh tidak sesuai digunakan dalam BMS.

16. takok pergi sekolah
(pengaruh DMP)

Perhatian:

Perkataan takok adalah ditulis mengikut sebutan DMP tetapi mempunyai makna yang sama dengan perkataan takut dalam BMS. Perkataan takok adalah tidak sesuai atau tidak betul mengikut sebutan BMS.

17. kerja motong
(pengaruh DMP)

Perhatian:

Perkataan motong adalah pengaruh DMP. Dalam DMP perkataan motong bermaksud menoreh. Penggunaannya secara lisan atau tulisan adalah tidak diterima dalam BMS.

18. jadilah lebih baik sokmo
(pengaruh DMP)

Perhatian:

Perkataan sokmo adalah pengaruh DMP yang bermakud selalu. Penggunaannya secara lisan atau tulisan adalah tidak diterima dalam BMS.

19. jagok akhlak dan jagok budi pekerti
(pengaruh DMP)

Perhatian:

Perkataan jagok adalah pengaruh DMP yang bermaksud cantik. Penggunaannya secara lisan atau tulisan adalah tidak diterima dalam BMS.

20. suka katup sekolah
(pengaruh DMP)

Perhatian:

Perkataan katup adalah ditulis mengikut sebutan DMP dan mempunyai makna yang sama dengan perkataan tutup dalam BMS. Dalam BMS, terdapat juga penggunaan perkataan katup tetapi dalam konteks yang berbeza.

Contoh-contoh 21-31 juga menunjukkan kelemahan pelajar Melayu di Patani menguasai perbendaharaan kata dalam BMS. Mereka tidak sepatutnya menggunakan perkataan dalam bahasa Thai.

21. belajar di mahawityalai kerajaan
(pengaruh B.Th)

Perhatian:

Perkataan mahawityalai adalah pengaruh perkataan Bahasa Thai, bermakna universiti. Penggunaannya secara lisan atau tulisan adalah tidak diterima dalam BMS.

22. sebuah rongpayaban kristian
(pengaruh B.Th)

Perhatian:

Perkataan rongpayaban adalah pengaruh perkataan Bahasa Thai bermakna, hospital.

23. sekolah praktom
(pengaruh B.Th)

Perhatian:

Perkataan praktom adalah pengaruh perkataan Bahasa Thai, bermakna rendah atau permulaan. Penggunaannya secara lisan atau tulisan adalah tidak diterima dalam BMS.

24. simpan di tanakarn sekolah
(pengaruh B.Th)

Perhatian:

Perkataan tanakarn adalah pengaruh perkataan Bahasa Thai, bermakna bank.

25. beli nasi di rong ahan
(pengaruh B.Th)

Perhatian:

Perkataan rong ahan adalah pengaruh perkataan Bahasa Thai, bermakna kantin.

26. sampai rapprenya
(pengaruh B.Th)

Perhatian:

Perkataan rapprenya adalah pengaruh perkataan Bahasa Thai, bermakna menerima ijazah.

27. kebebasan dalam kosena
(pengaruh B.Th)

Perhatian:

Perkataan kosena adalah pengaruh perkataan Bahasa Thai, bermakna iklan.

28. memberi nayobai yang salah
(pengaruh B.Th)

Perhatian:

Perkataan nayobai adalah pengaruh perkataan Bahasa Thai, bermakna polisi.

29. banyak raingan sekolah
(pengaruh B.Th)

Perhatian:

Perkataan raingan adalah pengaruh perkataan Bahasa Thai, bermakna kerja rumah.

30. susah sob masuk universiti
(pengaruh B.Th)

Perhatian:

Perkataan sob adalah pengaruh perkataan Bahasa Thai, bermakna peperiksaan.

31. memberi yutitam kepada rakyat
(pengaruh B.Th)

Perhatian:

Perkataan yutitam adalah pengaruh perkataan Bahasa Thai, bermakna keadilan.

Penjelasan; perkataan-perkataan dari contoh 21 hingga 31, iaitu *mahawityalai*, *rongpayaban*, *praktom*, *tanakarn*, *rong ahan*, *rapprenya*, *kosena*, *nayobai*, *sob* dan *yutitam* adalah perkataan-perkataan dari bahasa Thai dan tidak seharusnya digunakan dalam karangan BMS oleh para pelajar Melayu di Patani.

Contoh-contoh 32-36 adalah memperlihatkan penggunaan perkataan-perkataan dalam bahasa Arab sebagaimana yang digunakan oleh para pelajar.

32. pelajar membuat halakah
(pengaruh B.Ar)

Perhatian:

Perkataan halakah adalah pengaruh perkataan Bahasa Arab, bermakna pertemuan.

33. belajar madah bahasa Melayu
(pengaruh B.Ar)

Perhatian:

Perkataan madah adalah pengaruh perkataan Bahasa Arab, bermakna mata pelajaran. Dalam BMS terdapat juga perkataan madah tetapi dengan makna yang berlainan.

34. Roslina Waehama tasjil 2230
(pengaruh B.Ar)

Perhatian:

Perkataan tasjil adalah pengaruh perkataan Bahasa Arab, bermakna no. pendaftaran.

35. sejak kelas ibtidaiyyah
(pengaruh B.Ar)

Perhatian:

Perkataan ibtidaiyyah adalah pengaruh perkataan Bahasa Arab, bermakna rendah.

36. memisahkan idarah ustaz dan ustazah
(pengaruh B.Ar)

Perhatian:

Perkataan idarah adalah pengaruh perkataan Bahasa Arab, bermakna bilik guru.

Berdasarkan data-data berkaitan penggunaan perbendaharaan kata seperti yang dikemukakan sebelum ini, terdapat tiga jenis kesalahan yang merupakan kendala berhubung dengan penguasaan perbendaharaan kata BMS dalam karangan pelajar-pelajar di sekolah pondok di wilayah Patani iaitu (i) penggunaan perkataan-perkataan dalam Dialek Melayu Patani (DMP), (ii) penggunaan perkataan-perkataan dalam bahasa Thai, dan (iii) penggunaan perkataan-perkataan dalam bahasa Arab.

Pengaruh Sebutan Perbendaharaan Kata DMP dalam BMS dan Perkataan perkataan dalam Bahasa Thai dan juga Perkataan-perkataan dalam Bahasa Arab

Contoh-contoh 1-20 yang telah dikemukakan sebelum ini adalah contoh-contoh yang memperlihatkan kelemahan pelajar-pelajar Melayu di Patani kerana mereka tidak menggunakan perkataan-perkataan dalam BMS tetapi mereka menggunakan perkataan-perkataan dalam dialek ibunda mereka. Contoh 21-31 pula adalah tentang penggunaan perkataan-perkataan dalam bahasa Thai dan dilanjutkan lagi dengan contoh-contoh penggunaan perkataan-perkataan dalam bahasa Arab (contoh 32-36) oleh pelajar-pelajar Melayu di Patani. Keterangan berikutnya ialah latar yang menyebabkan berlakunya penggunaan perkataan-perkataan dalam DMP.

Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam bab kedua, DMP merupakan bahasa ibunda pelajar-pelajar di enam buah sekolah yang dikaji. DMP merupakan bahasa ibunda para pelajar dan menjadi bahasa komunikasi dalam kehidupan seharian mereka. DMP digunakan oleh para pelajar ketika bertutur dengan ibu bapa dan ahli-ahli keluarga di rumah. DMP juga digunakan bersama masyarakat sekitar pelajar seperti jiran-jiran, anggota-anggota masyarakat sekampung, dan sahabat-sahabat di kampung mahupun di sekolah. DMP kadang-kadang digunakan oleh para guru apabila mengajar mata pelajaran akademik mahupun mata pelajaran agama. Oleh yang demikian, perbendaharaan kata DMP banyak digunakan walaupun dalam konteks mempelajari BMS.

Sehubungan dengan situasi inilah maka para pelajar seringkali menggunakan perkataan-perkataan dalam DMP dalam penulisan mereka. Perkataan sokmo (dalam BMS selalu) dan kelek (dalam BMS balik atau pulang) adalah kesalahan berkait dengan pengaruh DMP kerana perkataan tersebut tidak terdapat dalam BMS. Bagi memahami analisis yang dilakukan ini ditegaskan bahawa kesalahan kerana pengaruh DMP dianggap sebagai kesalahan pemilihan perbendaharaan kata. Sebagai contoh, perkataan keja (data) wajar dijadikan sebagai petunjuk bahawa pelajar-pelajar Melayu di Patani tidak dapat

menggunakan dengan tepat perkataan dalam BMS, iaitu kerja. Dalam BMS, tidak ada perkataan keja.

Telah dijelaskan beberapa kali sebelum ini, iaitu salah satu kemahiran yang diperlukan bagi menguasai BMS ialah keupayaan menguasai perbendaharaan kata dalam BMS. Kajian ini mendapati bahawa walaupun perkataan-perkataan dalam BMS, juga terdapat dalam DMP namun disebabkan sebutan yang berbeza maka penggunaan perkataan mengikut sebutan dalam DMP adalah tidak diterima mengikut ukuran BMS. Sila teliti contoh-contoh yang disenaraikan.

(i) Senarai kata-kata BMS yang disebut dan dieja mengikut sebutan DMP

Perkataan-perkataan dalam DMP	Sewajarnya digantikan dengan perkataan-perkataan dalam BMS
1. ambit (KK)	Ambil
2. buae (KK)	Buang
3. gula (KN)	Gulai
4. hajak (KK)	Ajak
5. humi (KN)	Umbi
6. jinis (KAdj)	Jernih
7. jupa (KK)	Jumpa
8. kasuk (KN)	Kasut
9. katup (KK)	Tutup
10. kebung (KN)	Kebun
11. kelek (KK)	Balik
12. lapa (KAdj)	Lapar
13. lopat (KK)	Lompat
14. make (KK)	Makan
15. masing (KAdj)	Masin
16. mintak (KK)	Minta
17. napak (KK)	Nampak
18. nasik (KN)	Nasi
19. paka (KK)	Pakai
20. royat (KK)	Riwayat
21. sari (KN)	Sehari

22. sejid (KN)	Masjid
23. sekor (KN)	Seekor
24. sining (KN)	Sini
25. sipan (KK)	Simpan
26. takok (KAdj)	Takut
27. tango (KN)	Tangga
28. tujung (KK)	Terjun
29. jahe (KAdj)	Jahil
30. pital (KN)	Hospital

- (ii) Penggunaan perkataan-perkataan dalam DMP yang bunyinya dan maknanya jauh menyimpang berbanding perkataan-perkataan dalam BMS juga berimpak kepada kesalahan berhubung dengan penggunaan BMS (lisan dan bertulis). Teliti perkataan-perkataan yang disenaraikan.

Perkataan-perkataan dalam DMP	Maksud perkataan-perkataan tersebut dalam BMS
1. batas (KN)	Jalan
2. jagok (KAjd)	Cantik
3. belaga (KK)	Kemalangan
4. bujae (KN)	Janda
5. butae (KN)	Biji
6. carak (KN)	Sungai
7. jurus (KAdj)	Baik
8. kain lepas (KN)	Selendang
9. keleh (KK)	Melihat
10. kereta gudang (KN)	Lori
11. kereta kosung (KN)	Bus
12. negeri (KN)	Negara
13. sain (KN)	Kawan
14. sesok (KAdj)	Miskin
15. sugung (KK)	Melanggar
16. tepuh (KK)	Melanggar
17. tepung (KN)	Kuih

18. tiak (KK)	Menangis
19. tubit (KK)	Keluar
20. mari (KN)	Almari

Contoh-contoh yang dikemukakan sebelum ini turut memperlihatkan penggunaan perkataan-perkataaan dalam bahasa Thai. Bagaimanapun, oleh kerana pengaruh bahasa Thai amat ketara maka dilanjutkan lagi contoh-contoh yang lebih lengkap tentang penggunaan perkataan-perkataaan Thai dalam 220 karangan yang dijadikan sebagai data.

Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam sebelumnya, bahasa Thai merupakan satu-satunya bahasa pengantar dalam pengajaran-pembelajaran selama enam tahun di sekolah rendah milik kerajaan. Bahasa Thai juga menjadi bahasa pengantar mata pelajaran akademik dalam kalangan pelajar-pelajar Melayu di enam buah sekolah pondok yang dikaji. Selain itu, bahasa Thai juga menjadi bahasa komunikasi di pejabat-pejabat kerajaan. Bahasa Thai tersebar luas penggunaannya dalam pelbagai media cetak mahupun dalam media eletronik. Pelajar-pelajar membaca surat khabar, majalah hiburan, menonton drama atau filem dan mendengar radio dalam bahasa Thai. Terdapat sedikit sahaja media cetak dan eletronik dalam bahasa Melayu. Situasi inilah yang menyebabkan pengaruh perbendaharaan kata bahasa Thai banyak ditemui dalam 220 karangan pelajar yang dijadikan sebagai data.

Disadari bahawa situasi penggunaan perbendaharaan kata bahasa Thai dalam karangan pelajar-pelajar sekolah pondok di Patani adalah impak daripada polisi kerajaan Thai dalam mensiamisasi sistem pendidikan yang mewajibkan penggunaan bahasa Thai dalam semua mata pelajaran. Huraian secara lengkap sudah dijelaskan dalam Bab Dua, iaitu berhubungan dengan situasi bahasa Melayu di Patani. Teliti contoh-contoh penggunaan perbendaharaan kata bahasa Thai yang dikesan dalam karangan para pelajar seperti berikut berikut:

Perkataan-perkataan Bahasa Thai	Makna Perkataan-perkataan dalam BMS
1. <i>mahawityalai</i> (KN)	Universiti
2. <i>rongpayaban</i> (KN)	Hospital
3. <i>see deang</i> (KAdj)	Merah
4. <i>rongrem</i> (KN)	Hotel
5. <i>tanakarn</i> (KN)	Bank

6. <i>tamngan</i> (KK)	Kerja
7. <i>knak</i> (KN)	Fakulti
8. <i>rong a han</i> (KN)	Kantin
9. <i>prakchum</i> (KK)	Mesyuarat
10. <i>sala</i> (KN)	Wakaf
11. <i>nab</i> (KN)	pasar
12. <i>mu bang</i> (KN)	Kampung
13. <i>tambung</i> (KN)	Mukim
14. <i>amphe</i> (KN)	Daerah
15. <i>changwad</i> (KN)	Wilayah
16. <i>rongpak</i> (KN)	balai polis
17. <i>praktom</i> (KN)	Rendah
18. <i>matyom</i> (KN)	Menengah
19. <i>yaseptek</i> (KN)	Dadah
20. <i>tammada</i> (KN)	Kebiasaan
21. <i>rapprenya</i> (KK)	menerima ijazah
22. <i>yutitam</i> (KAdj)	Adil
23. <i>tarotak</i> (KN)	Televisyen
24. <i>wettiyuk</i> (KN)	Radio
25. <i>obt</i> (KN)	perwakilan mukim
26. <i>wicai</i> (KK)	Penyelidikan
27. <i>praiseni</i> (KN)	pejabat pos
28. <i>wat</i> (KN)	Biara
29. <i>senam</i> (KN)	Padang
30. <i>kila</i> (KN)	Bersukan
31. <i>dee</i> (KAdj)	Baik
32. <i>rai ngan</i> (KK)	membuat kerja rumah
33. <i>samruat</i> (KK)	Pencarian
34. <i>sob</i> (KK)	Peperiksaan
35. <i>kru</i> (KN)	Cikgu
36. <i>puwa</i> (KN)	Gubenor
37. <i>nai amphe</i> (KN)	pegawai daerah

38. <i>acarn</i> (KN)	Pensyarah
39. <i>pyaban</i> (KN)	Jururawat
40. <i>kunnepat</i> (KAdj)	Kualiti
Perhatian: Kebanyakan perkataan dalam bahasa Thai, dalam DMP dan perkataan-perkataan tersebut juga digunakan oleh pelajar Melayu di Patani, tergolong sebagai KN.	

Berikut ini disentuh serba sedikit fenomena penggunaan perkataan-perkataan dalam bahasa Arab sebagaimana yang dapat dikesan dalam karangan pelajar-pelajar sekolah pondok yang dikaji. Bahasa Arab adalah salah satu bahasa yang sangat penting dalam masyarakat Melayu Patani. Bahasa Arab merupakan subjek wajib bagi semua murid yang belajar di sekolah swasta agama Islam (sekolah pondok) di daerah Saiburi, wilayah Pattani. Bahasa Arab menjadi bahasa pengantar bagi mata pelajaran agama Islam di enam buah sekolah yang dikaji. Secara tidak langsung pengaruh bahasa Arab banyak terdapat dalam karangan BMS para pelajar. Penjelasan lebih lengkap tentang pentingnya bahasa Arab dalam sistem pendidikan sekolah pondok di daerah Saiburi, wilayah Pattani telah paparkan dalam bab ketiga dan akan disentuh lagi serba-sedikit.

Patani pernah menjadi pusat perdagangan dan pendidikan yang terkenal di Nusantara sejak abad 15 sehingga abad 19 Masihi. Ramai para pedagang dari Timur Tengah dan negara-negara Islam di dunia berdagang di Patani. Selain berdagang, para pedagang juga telah menyebarkan Islam dan pada abad ke 15 bermulalah Islam di Patani. Setelah kerajaan Patani memeluk Islam bermulalah kesultanan Patani yang masyhur. Seterusnya, Patani berperanan sebagai pusat dakwah dan pendidikan Islam di Nusantara. Perbendaharaan kata bahasa Arab mulai digunakan oleh masyarakat Patani sehingga pengaruh tersebut masih kekal sampai dewasa ini. Dalam konteks penjelasan ini, perlu disedari bahawa ada perkataan-perkataan dalam bahasa Arab di Patani, tidak merupakan kata-kata yang sudah dipinjam ke BMS.

Berdasarkan contoh-contoh yang telah diperlihatkan (contoh 32-36) didapati banyak perbendaharaan kata bahasa Arab dalam karangan para pelajar. Perkataan-perkataan tersebut tidak berstatus sebagai kata-kata pinjaman dalam BMS. Kebanyakan penggunaan perbendaharaan kata bahasa Arab yang dimaksudkan itu adalah berhubung dengan bidang pendidikan Islam. Kajian ini mendapati bahawa pengaruh perbendaharaan kata bahasa Arab dalam karangan pelajar terbahagi kepada dua jenis, iaitu (i) penggunaan

perbendaharaan kata bahasa Arab yang belum menjadi kata-kata pinjaman, dan (ii) penggunaan perbendaharaan kata bahasa Arab yang sudah diterima sebagai kata-kata pinjaman. Teliti contoh-contoh berikut:

(i) Penggunaan perbendaharaan kata bahasa Arab yang belum menjadi perkataan dalam BMS.

Perkataan-perkataan Bahasa Arab	Perkataan-perkataan tersebut dalam BMS
1. <i>halakah</i> (KN)	Pertemuan
2. <i>mumtaz</i> (KN)	Petengahan
3. <i>ibtidaiyyah</i> (KN)	peringkat rendah
4. <i>jaiyed</i> (KAdj)	Terbaik
5. <i>idarah</i> (KN)	pejabat guru
6. <i>makbul</i> (KAdj)	sederhana
7. <i>madah</i> (KN)	mata pelajaran
8. <i>sigoh</i> (KAdj)	boleh dipercayai
9. <i>mutawassit</i> (KN)	peringkat menengah rendah
10. <i>qiyam</i> (KK)	bersembahyang malam
11. <i>nummerah</i> (KN)	no.bilangan
12. <i>siyam</i> (KK)	berpuasa
13. <i>sanawi</i> (KN)	peringkat menengah atas
14. <i>iftar</i> (KK)	sarapan pagi
15. <i>sirah</i> (KN)	sejarah
16. <i>syai</i> (KN)	the
17. <i>taallim</i> (KK)	mempelajari
18. <i>tasjil</i> (KK)	pendaftaran
19. <i>tazkirak</i> (KK)	memberi nasihat
20. <i>hisah</i> (KN)	masa/seisi
21. <i>jamil</i> (KAdj)	cantik
22. <i>mabrur</i> (KK)	tahniah
23. <i>akrim</i> (KAdj)	memuliakan
24. <i>safawi</i> (KK)	ujian lisan
25. <i>bayan</i> (KK)	ceramah

- (ii) Penggunaan kata-kata pinjaman dari bahasa Arab tetapi sebutannya menyimpang dari sebutan BMS.

Perkataan-perkataan Bahasa Arab mengikut sebutan Patani	Perkataan-perkataan Bahasa Arab mengikut sebutan dalam BMS
1. <i>alem</i> (KAdj)	alim
2. <i>anasyed</i> (KN)	nasyid
3. <i>asri</i> (KN)	asar
4. <i>donnya</i> (KN)	dunia
5. <i>hafis</i> (KK)	tahfiz
6. <i>khidmak</i> (KK)	khidmad
7. <i>khomis</i> (KN)	khamis
8. <i>masarakat</i> (KK)	masyarakat
9. <i>rehlah</i> (KK)	rihlah
10. <i>rohmat</i> (KAdj)	rahmat
11. <i>subhi</i> (KN)	subuh
12. <i>tarih</i> (KN)	tarikh

Simpulan

Berdasarkan analisis di atas dapat disimpulkan bahawa pelajar sekolah pondok sangat lemah dalam penguasaan perbendaharaan kata BMS. Terdapat beberapa kendala dalam penguasaan BMS, iaitu (i) penggunaan DMP, (ii) penggunaan bahasa Thai, dan (iii) penggunaan bahasa Arab. Apabila tidak menguasai perbendaharaan kata dalam BMS dengan baik, maka sukarlah untuk memahami bahasa tersebut, apatah lagi untuk menulis sesebuah karangan dengan baik dan berkesan. Sesuatu bahasa cuma dapat dikuasai dengan baik, sekiranya (1) perbendaharaan kata, dan (2) tatabahasa sesuatu bahasa yang berkenaan dapat dikuasai. Dalam konteks ini, disedari bahawa pelajar-pelajar Melayu di Patani (pelajar yang karangan mereka dianalisis) amat lemah menguasai BMS lantaran itulah ada kalanya mereka menggunakan perkataan-perkataan dalam DMP, bahasa Thai, atau bahasa Arab.

Apabila menggunakan sesuatu bahasa misalnya bahasa Inggeris, kita seharusnya menggunakan perkataan dalam bahasa Inggeris dan begitulah situasinya apabila kita menggunakan sesuatu bahasa lain. Dalam konteks ini, iaitu apabila kita menggunakan BMS, kita seharusnya pula menggunakan perkataan dalam BMS. Penggunaan perkataan

dalam dialek ibunda atau penggunaan perkataan lain yang tidak dikategorikan sebagai perkataan BMS adalah tidak diterima atau tidak dibenarkan. Penyimpangan kerana mencampuradukkan perkataan BMS dengan perkataan dialek ibunda individu berkenaan dan perkataan bahasa Thai dan bahasa Arab jelas menunjukkan bahawa individu berkenaan amat lemah menguasai BMS pada merit atau tahap yang memuaskan. Dalam konteks ini, jelas didapati bahawa pelajar Melayu di sekolah pondok di Patani amat lemah menguasai BMS.

Penggunaan perkataan dalam dialek ibunda apabila seseorang pelajar Melayu menggunakan BMS adalah lumrah pada situasi seseorang pelajar yang berkenaan belum lagi menguasai BMS pada tahap atau merit yang memuaskan. Bagaimanapun, penggunaan perkataan dari bahasa lain (bukan bahasa Melayu) adalah agak ganjil. Dalam konteks ini adalah lumrah bahawa pelajar di Patani menggunakan perkataan dalam dialek ibunda mereka, iaitu DMP apabila menulis sesebuah karangan dalam BMS. Bagaimanapun, adalah agak ganjil bagi penyelidikan di luar Patani apabila didapati bahawa pelajar Melayu di Patani termasuk pelajar Melayu di sekolah pondok yang dikaji menggunakan perkataan dalam bahasa Thai. Kajian menunjukkan bahawa penggunaan perkataan dalam bahasa Thai dalam DMP mahupun dalam BMS di Patani diimpakkan oleh sistem pendidikan Thai itu sendiri. Secara ringkas, proses Siamisasi menyebabkan terdapatnya penggunaan perkataan bahasa Thai dalam DMP. Apabila pelajar yang berlatarbelakangkan DMP ini mempelajari BMS, tentulah juga mereka terbawa-bawa menggunakan perkataan dalam bahasa Thai. Rata-rata, pelajar Melayu di Patani tahu berbahasa Thai.

BMS sebenarnya turut menggunakan perkataan dalam bahasa Sanskrit, Parsi, Portugis, Arab, dan lain-lain terutama bahasa Inggeris. Bagaimanapun, perkataan tersebut sudah terserap sebagai kata pinjaman dan diakui sebagai perkataan-perkataan dalam BMS. Harus disedari bahawa perkataan dalam bahasa Thai sebagaimana yang dapat dikesan dalam karangan pelajar di sekolah pondok yang dikaji, tidak diterima statusnya sebagai kata pinjaman. Oleh yang demikian, penggunaannya dalam BMS, tidak dapat diterima.

Bahagian kesimpulan ini diakhiri dengan suatu pernyataan bahawa pelajar Melayu di sekolah pondok di Patani amat lemah menguasai perbendaharaan kata dalam BMS. Kelemahan menguasai perbendaharaan kata dalam BMS sudah pasti berimpak negatif kepada penggunaan BMS pada merit yang baik atau memuaskan.

Bibliografi

- Ahmad Fathi. *Pengantar Sejarah Fathoni*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., 2001.
- Ahmad Omar. *Politik Thai dan masyarakat Islam di selatan Thailand*. Alor Setar: Pustaka Darussalam, 2002.
- Amorn Thawisak. *Bahasa Dialek Melayu di dalam Negara Thailand*, Salaya: Mahidol University, 1986.
- Hasan Madmarn. *Pondok dan Madrasah di Patani*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001.
- Ibrahim Syukri. *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*. Bangi: Penerbit UKM, 2002.
- Jiraphan Dema. "Kerikulam dan Pengurus Pendidikan di dalam Wilayah Selatan Thailand", Kertas kerja dalam Seminar Akademik Tajuk Melayu dengan Rat Thai dalam pefektif Sejarah dan Tammadul dengan Cara Membina Keadilan, Universiti Princess of Songkhla, 2008.
- Mohd. Zamberi A. Malek. *Patani dalam Tamadun Melayu*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- , *Pensejarahan Patani*. KL: Penerbit UM, 2006.
- Muhammad Lazim Lawi. *Sejarah dan Perkembangan Agama Anuti Masyarakat Melayu Patani*. Kolej Islam Jala: Pusat Kebudayaan Islam, 2005.
- Nik Anuar Nik Mahmud. *Sejarah Perjuangan Melayu Patani*. Bangi: Penerbit UKM, 1999.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa dan Abdul Hamid Mahmood. *Tatabahasa Dewan (Edisi Ketiga)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.
- Nathesan, S. *Pendekatan dan Teknik Pendidikan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999.
- Paitoon M. Chaiyanara. "Transmorfofonologisasi suprafiks: Dialek Patani Merentasi Zaman", *Jurnal Bahasa* 5 (1), 2005.
- , "Kata-kata Sanskrit Dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Thai: Satu Kajian Perbandingan dari Segi Fonologi". *Tesis Ph.D.* Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1990.
- Ruslan Uthai. "Bahasa dalam Rattai: Tammadul dan Keadilan", Kertas Kerja Seminar "Melayu dengan Rat Thai dan pefektif Sejarah dan Tammadul dengan Cara Membina Keadilan", Universiti Princess OF Songkhla, 2008.

- Uthai Dulyakasem. "Education and Ethnic Nationalism: A Study of the Muslim-Malays in Southern Siam". *Tesis Ph. D.* Stanford University, 1981.
- Worawit Baru. "Pengaruh Bahasa Thai Ke Atas Dialek Melayu Patani: Kajian Kes Sosiolinguistik Di Wilayah Pattani. *Tesis Sarjana.* Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1990.
- , "Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu di Negara Thai". *Tesis Ph.D.* Universiti Malaya, 1999.